

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 40**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai hasrat untuk membina pusat-pusat dialisis untuk menangani isu peningkatan jumlah pesakit buah pinggang di negara kita. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang kurang berkemampuan yang tidak mendapat perkhidmatan dialisis di hospital kerajaan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan keperluan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini. Jumlah pesakit yang menerima rawatan hemodialisis bagi tempoh 2011 hingga 2016 di kemudahan Kerajaan adalah seramai 8,184 orang.

Kerajaan telah menyediakan unit hemodialisis di hospital-hospital dan beberapa buah klinik kesihatan yang terletak jauh dari hospital untuk menampung keperluan tersebut. Pada masa ini, kesemua hospital KKM di seluruh Negara kecuali di Hospital Rajah Charles Brooke, Sarawak telah mempunyai unit hemodialisis bagi memberi perkhidmatan tersebut kepada rakyat.

Manakala di klinik kesihatan pula, sebanyak 15 buah unit hemodialisis di klinik kesihatan yang mempunyai unit hemodialisis; iaitu di:

1. KK Simpang Renggam, Kluang, Johor
2. KK Bandar Mas, Kota Tinggi, Johor
3. KK Kodiang, Kubang Pasu, Kedah
4. KK Song, Song, Sarawak
5. KK Debak, Betong, Sarawak
6. KK Tatau, Bintulu, Sarawak
7. KK Batu Niah, Miri, Sarawak
8. KK Mahligai, Bachok, Kelantan
9. KK Chiku 3, Gua Musang, Kelantan
10. KK Kemahang, Tanah Merah, Kelantan
11. KK Sg Lembing, Kuantan, Pahang
12. KK Bestari Jaya, Selangor
13. KK Lenggong, Gerik, Perak
14. KK Pulau Pangkor, Perak
15. KK Cheng, Melaka

Manakala terdapat tiga (3) buah lagi unit hemodialisis dijangka akan beroperasi pada tahun 2019; iaitu di:

1. KK Sungai Koyan, Pahang
2. KK Nabawan, Sabah
3. KK Pantai Remis, Perak

Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara, KKM sedang dan telah memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)*. Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis.

**Yang di-Pertua,**

KKM juga menyediakan subsidi kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan KKM. Bantuan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan dan suntikan Erythropoeitin (EPO) sebanyak RM18.50 untuk setiap pesakit sehingga maksimum RM240.50 sebulan. Sehingga kini, terdapat 125 pusat dialisis NGO yang dikendalikan oleh 61 pertubuhan NGO telah berdaftar sebagai pusat dialisis yang layak menerima bantuan subsidi KKM. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun bagi membantu pesakit kurang mampu menjalani rawatan hemodialisis. Sepanjang tempoh Januari hingga 15 Jun 2019, sebanyak RM11.27 juta telah dibelanjakan melibatkan 2,814 pesakit yang memerlukan bantuan kewangan bagi rawatan hemodialisis.

Melalui Program PeKA B40, Kerajaan juga telah memperkenalkan program pengesanan penyakit kencing manis dan darah tinggi, agar komplikasi penyakit buah pinggang akibat dari penyakit kencing manis dan darah tinggi dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.